

KESEDARAN ETIKA DAN PERATURAN PEPERIKSAAN DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU KAJIAN RINTIS DI POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sarrunnida Ahmad Zaine¹
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
nida.zaine@gmail.com

Nor Hayati Fatmi Talib²
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
norhayati_fatmi@polinilai.edu.my

Norhidayah Samsu³
Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
hidayah.samsu@polinilai.edu.my

Abstrak: Peperiksaan merupakan salah satu medium penilaian sumatif bagi menilai pencapaian dan penguasaan pelajar dalam sistem pengajian politeknik di mana dalam pelaksanaannya terdapat etika dan peraturan khusus yang telah ditetapkan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan dalam kalangan pelajar Politeknik Malaysia. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik adaptasi Gbadamosi (2004) secara atas talian (google form). Responden kajian adalah seramai 415 orang pelajar Diploma dari 36 buah Politeknik Malaysia. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar politeknik mempunyai tahap kesedaran etika yang tinggi dengan skor min 4.27 (SP=0.65) dan kesedaran terhadap peraturan peperiksaan juga tinggi dengan skor min 4.26 (SP=0.57). Hasil analisis T Test menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan konstruk kesedaran etika iaitu nilai $t = -.718$ (df 413), $P = 0.474 > 0.05$ tetapi mempunyai perbezaan yang signifikan bagi konstruk kesedaran peraturan peperiksaan iaitu pada nilai $t = -2.119$ (df 413), $P = 0.035 < 0.05$ berdasarkan jantina. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan konstruk kesedaran etika iaitu nilai $t = -1.737$ (df 413), $P = 0.083 > 0.05$ dan konstruk kesedaran peraturan peperiksaan iaitu pada nilai $t = -1.086$ (df 413), $P = 0.278 > 0.05$ berdasarkan bidang pengajian. Hasil kajian rintis menunjukkan ruang penambahbaikan instrumen kajian terutamanya konstruk kesedaran peraturan peperiksaan sebelum kajian lanjut dijalankan. Kajian menyumbang data bahawa pelajar politeknik mempunyai kesedaran berkenaan etika dan peraturan peperiksaan politeknik pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci: Etika; Tahap Kefahaman; Peraturan Peperiksaan; Pelajar Politeknik Malaysia.

1. Pengenalan

Politeknik merupakan salah satu Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang menawarkan perkhidmatan pendidikan. Hasrat penubuhan politeknik adalah menyediakan guna tenaga manusia separa professional dengan ilmu dan kamahiran mengikut bidang masing-masing selari dengan perkembangan masa, keperluan industri, kekal relevan namun tetap selari dengan apa yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan membangunkan rohani, emosi, jasmani dan intelektual.

Bagi merealisasikannya, seseorang pelajar perlu mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran samada secara formal atau tidak formal, melalui latihan, amali dan sebagainya. Peperiksaan merupakan salah satu medium penilaian yang perlu dilalui oleh para pelajar bagi menilai penguasaan terhadap latihan pendidikan yang diberikan dan setiap peperiksaan ada kepentingannya dan keperluannya tersendiri. Peperiksaan perlu dilalui oleh pelajar kerana melalui peperiksaan, seseorang pelajar dapat mengenalpasti di mana letaknya kekurangan mahupun kelebihan diri pada sesuatu perkara (Noraini Ahmad, 2003). Ujian dan peperiksaan yang dijalankan adalah suatu proses bagi melihat prestasi dalam pembelajaran, mendapatkan maklumat pengajaran dan membawa kepada penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran (Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar 2008)

Tujuan penaksiran secara umumnya adalah proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi seseorang dalam pembelajaran, menilai aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran, mendapatkan maklumat secara berterusan tentang pengajaran dan pembelajaran, dan memperbaiki pengajaran dan pembelajaran (Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar 2008).

Etika pula merujuk kepada prinsip dan peraturan yang dipegang dalam membentuk sesuatu kelakuan atau tindakan yang baik (Mohd Janib 1994). Etika merupakan satu bentuk pandangan, penilaian dan perilaku seseorang individu secara moral (Jefferies & Stahl 2002). Etika merupakan elemen penting dalam mencapai pembangunan dan kemajuan sesebuah negara yang perlu dipupuk dalam perbagai peringkat dan proses kehidupan termasuk dalam pelaksanaan ujian dan peperiksaan. Etika dan moral seseorang itu perlu dididik dan dibentuk melalui pendidikan dari peringkat awal samaada secara formal atau tidak formal. Pelajar yang menduduki ujian atau peperiksaan perlu mematuhi setiap etika dan peraturan yang telah ditetapkan merangkumi peraturan rupa diri, sebelum peperiksaan, semasa peperiksaan dan selepas peperiksaan sebagaimana pandangan

Sungguhpun begitu, terdapat kenyataan dan kajian yang di buat menunjukkan berlaku pelbagai salah laku melanggar etika dan peraturan peperiksaan yang berpunca dari beberapa faktor. Antara faktornya adalah bimbang dan takut sekiranya mendapat keputusan yang tidak baik akan menyebabkan dirinya dilabel dan melemahkan konsep kendirinya dan penipuan atau ketidak jujuran dibuat bagi mendapatkan keputusan terbaik (Miller et al 2007). Kajian Jones (2011) mendapati ketidakjujuran akademik 92% adalah disebabkan keinginan untuk mendapatkan gred yang tinggi dan 75% atas alasan terlalu sibuk dengan tugas kursus.

Teixeira & Fatima Rocha (2010) menyatakan bahawa sesebuah institusi pendidikan akan tercabar jika terdapat isu ketidakjujuran akademik. Ketidakjujuran ini semakin kerap berlaku di institusi pendidikan menurut Farnese et al (2011). Menurut Henning et al (2011), ketidakjujuran akademik adalah tindakan yang merangkumi aspek menipu dalam peperiksaan, plagiarism, penipuan dalam merujuk dan tidak memenuhi etika penulisan akademik. Kajian Galloway (2012) terhadap 4316 pelajar di institusi pengajian tinggi mendapati lebih 92% pelajar pernah melakukan ketidakjujuran akademik sekurang2nya sekali dalam pengajian mereka.

82% pelajar UiTM juga didapati pernah melakukan ketidakjujuran akademik dalam kajian yang dijalankan oleh Nushiha dan Nurliyana (2013). Kajian Ramlan et al (2016) selama 2 tahun melibatkan 453 pelajar Muslim bagi tahun 2014 dan 365 pelajar muslim bagi tahu 2015. Hasil kajiin mendapati 55% bagi tahun 2014 dan 63% bagi tahun 2015 pelajar muslim melakukan ketidakjujuran akademik. Willian et al (2010) melaporkan bahawa kajiannya menunjukkan peratusan ketidakjujuran akademik dalam kalangan mahasiswa menghampiri

100% berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Noraini Ahmad (2003) berpandangan bahawa setiap pelajar perlu membentuk minda yang positif dan membuat persediaan yang sewajarnya dalam menghadapi peperiksaan. Bebanan dan tekanan dapat dikurangkan jika mendapat bantuan yang sebaiknya seperti daripada guru, ibu bapa dan rakan sepejajian. Mahasiswa sering sekali dicanang sebagai bakal pemimpin dan juga kepada pengganti kepada generasi seterusnya. Graduan atau lepasan Intituti Pendidikan Tinggi adalah aset berharga bagi negara mesti mempunyai nilai etika dan integriti yang tinggi bagi kelestarian pembangunan negara (Ramlah et al 2016). Kajian ini diharap dapat memaparkan dapatan yang menyumbang kepada penambahbaikan dalam menambahbaik kesedaran pelajar dalam etika dan pematuhan peraturan peperiksaan sekaligus menambahbaik proses pelaksanaan ujian dan peperiksaan akhir.

1.1 Pernyataan Masalah

Politeknik KPM sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi yang menyediakan perkhidmatan pendidikan telah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat Pra Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sebagai proses utama. Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, penilaian merupakan satu proses yang sangat penting untuk memastikan kualiti graduan yang dihasilkan dalam sistem pengajian di politeknik selain memenuhi badan akreditasi dan pengiktirafan kualiti. Aspek pematuhan etika dan peraturan peperiksaan merupakan elemen penting dalam pengurusan pelaksanaan ujian dan peperiksaan agar hasil penilaian yang dijalankan mempunyai ketepatan yang tinggi.

Ketepatan ini aspek yang sangat dititikberatkan kerana membawa implikasi kepada pelajar dari segi anugerah, persaingan dalam mendapatkan peluang pekerjaan, penguasaan terhadap ilmu dan kemahiran yang diikuti. Dari segi penyedia perkhidmatan, ketepatan hasil penilaian menggambarkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan, kesesuaian bahan penilaian dengan kehendak kehendak kurikulum, isu yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum dan menyediakan maklumat bagi penjana meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan sekaligus aspek reputasi Politeknik KPM. Setakat penelitian pengkaji sebagai pegawai peperiksaan Politeknik Nilai, tiada data dapat dicapai berkaitan aspek kesedaran pelajar tentang etika dan peraturan peperiksaan. Adakah pelajar mempunyai kesedaran yang baik terhadap etika dan peraturan peperiksaan?

Kekosongan maklumat membawa pengkaji melaksanakan kajian ini secara rintis dengan bantuan pegawai peperiksaan di 36 politeknik KPM. Kajian lanjut akan dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kesedaran pelajar tentang etika dan peraturan peperiksaan dengan mengambil kira hasil dapatan ujian rintis. Politeknik ingin menjadi sebuah institusi yang bebas dari terlibat dengan penipuan akademik sebagaimana yang berlaku dalam kajian Rawwas dan Irakson (2000) dan Gbadamosi (2004), yang mengatakan bahawa isu penipuan akademik banyak berlaku di institusi pendidikan tinggi dan tidak dilaporkan untuk diambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga reputasi institusi.

Secara umumnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap KESEDARAN ETIKA DAN PERATURAN PEPERIKSAAN dalam kalangan pelajar di Politeknik KPM. Secara khususnya kajian yang dilaksanakan adalah berlandaskan objektif berikut:

- a. Mengetahui tahap kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan pelajar.
- b. Mengetahui perbezaan tahap kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan

pelajar berdasarkan jantina dan bidang pengajian.

1.2 Kajian Literatur

Banyak kajian ilmiah yang dilakukan terhadap pelajar politeknik adalah berkaitan dengan salah laku plagiat dalam melaksanakan tugas atau salah laku akademik secara umum. Menurut Lambert et.al. (2003) dalam kajiannya melaporkan bahawa salah laku akademik di kalangan pelajar institut pengajian tinggi adalah di peringkat yang membimbangkan. Pelajar yang dikaji mengaku bahawa mereka melanggar etika akademik dan menyedari bahawa rakan mereka juga melakukan kesalahan yang sama. Walau bagaimanapun, sebilangan besar daripada responden kajian memberi alasan bahawa mereka tidak tahu perlakuan tersebut melanggar etika akademik. Kajian ini juga mendapati pelajar lelaki lebih cenderung melakukan kesalahan etika berbanding pelajar perempuan. Faktor umur didapati tidak mempengaruhi persepsi mereka dalam salah laku akademik. Walau bagaimanapun, faktor etnik atau bangsa menunjukkan perbezaan persepsi tentang penipuan iaitu antara pelajar New Zealand, Eropah dan Asia di mana pelajar Asia lebih cenderung untuk mengatakan bahawa sesuatu kesalahan itu sebagai bukan salah laku etika.

Dari segi jantina, kajian yang melihat faktor ini terhadap etika pelajar menghasilkan rumusan yang pelbagai. Menurut Goode (1999) menegaskan bahawa dalam kajian kontemporari, tiada perbezaan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam kecenderungan melakukan salah laku akademik.

Menurut Ameen et.al. (1995) menunjukkan bahawa lebih separuh (56%) daripada pelajar mengaku mereka pernah menipu dalam peperiksaan dan melaksanakan kerja kursus. Kajian ini menyimpulkan bahawa salah laku etika akademik merupakan satu perkara yang biasa di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, hanya 6% mengaku pernah ditangkap kerana kesalahan menipu. Menurut responden, salah satu sebab mereka sanggup melakukan kesalahan ini ialah kurangnya peranan pensyarah dalam menekankan aspek etika dan peraturan akademik. Mereka tahu pensyarah tidak mahu terlibat dengan urusan 'penangkapan' yang dianggap menyusahkan. Ini menyebabkan pelajar percaya bahawa risiko ditangkap akibat salah laku akademik adalah rendah.

2. Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini dijalankan secara tinjauan dalam kalangan kesemua pelajar yang berada dalam sistem pengajian di politeknik secara rawak merangkumi 36 buah politeknik KPM. Kajian ini telah menggunakan instrumen yang mengandungi 11 item yang diubahsuai daripada kajian Gbadamosi (2004). Tahap persetujuan responden untuk setiap item diukur menggunakan skala lima (5) mata Likert iaitu sangat tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Soal selidik kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan diedarkan secara atas talian (*google form*). Seramai 415 orang pelajar telah menjawab soal selidik yang diedarkan yang perinciannya dipaparkan dalam demografi dapatan kajian.

Disebabkan instrumen adalah adaptasi dan dibuat sedikit perubahan, analisis kebolehpercayaan instrumen telah dijalankan dan didapati nilai alpha adalah 0.687 (Tinggi) bagi konstruk etika manakala nilai alpha 0.476 (Sederhana) bagi konstruk peraturan

peperiksaan. Interpretasi tahap kebolehppercayaan ini adalah berdasarkan skala interpretasi Cohen (1988) di mana nilai 0.5 sehingga 1.0 adalah tinggi manakala 0.30 hingga 0.49 adalah sederhana sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1. Kesahan sesuatu instrumen penting kerana merujuk kepada tahap sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur (Creswell 2010; Pallant 2001; Siti Rahayah 2003). Sesuatu instrumen tersebut dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya nilai kebolehannya tinggi (Mohd Majid 1990).

Jadual 1: Kebolehppercayaan

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	N of Items	Konstruk
.687	6	Etika
.476	4	Peraturan Peperiksaan

Sebelum analisis dijalankan, terdapat 2 item negatif telah dikod semula iaitu item B5 dan item B7 tetapi masih mengekalkan struktur ayat item sebagaimana dalam soal selidik. Item B9 digugurkan kerana kurang relevan dengan konstruk etika dalam kajian ini selepas analisis kebolehppercayaan dibuat untuk melihat perkaitan item dengan konstruk. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai. Data juga dianalisis secara inferensi menggunakan Independent Sampel T Test bagi melihat perbezaan persepsi kesedaran berdasarkan jantina dan program pengajian. Paparan data deskriptif diinterpretasi menggunakan skala interpretasi 3 tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah sebagaimana paparan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Skala Interpretasi Tahap	
Skor Min	Tahap
Skor Min 1.00 – 2.33	Rendah
Skor Min 2.34 – 3.67	Sederhana
Skor Min 3.68 – 5.00	Tinggi

3. Dapatan dan Keputusan

Setelah data dianalisis, dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian akan dipaparkan dalam turutan demografi sampel kajian dan berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan

3.1 Demografi Responden

Daripada 415 responden kajian, 237 orang responden (57.1%) kajian ini adalah pelajar perempuan manakala 178 orang (42.9%) adalah pelajar lelaki. Kebanyakan responden berumur 18-19 tahun iaitu seramai 241 orang (58.1%), seramai 154 orang responden (37.1%) berusia 20-21 tahun manakala 22 tahun ke atas adalah seramai 20 orang responden (4.8%). Responden teramai adalah responden Melayu iaitu seramai 241 orang (59.8%) diikuti dengan responden lain-lain kaum seramai 125 orang (30.1%), India 25 orang (6.0%) dan yang paling sedikit adalah responden Cina 17 orang (4.1%). Oleh itu, adalah tidak menghairankan jika responden beragama Islam merupakan majoriti responden (68.0%) kajian ini iaitu seramai 282 orang.

Daripada aspek semester pengajian, pelajar semester satu dan semester dua merupakan responden teramai iaitu 222 orang (53.5%) daripada responden kajian. Manakala taburan responden berdasarkan bidang pengajian Kejuruteraan adalah agak sekata di mana bidang

bukan kejuruteraan adalah seramai 216 orang (52.3%) dan bidang kejuruteraan pula seramai 197 orang (47.7%). Jadual 2 menunjukkan secara terperinci data demografi responden kajian:

Jadual 2: Demografi Responden (N=415)

FAKTOR	KEKERAPA N	PERATUS
Jantina		
Lelaki	178	42.9
Perempuan	237	57.1
Umur		
18-19 tahun	241	58.1
20-21 tahun	154	37.1
22 tahun ke atas	20	4.8
Bangsa		
Melayu	241	59.8
Cina	17	4.1
India	25	6.0
Lain-lain	125	30.1
Agama		
Islam	282	68.0
Buddha	10	2.4
Hindu	21	5.1
Kristian	99	23.86
Lain-lain	3	0.72
Tahun Pengajian		
Semester 1	117	28.2
Semester 2	105	25.3
Semester 3	69	16.6
Semester 4	55	13.3
Semester 5	34	8.2
Semester 6	35	8.4
Bidang Pengajian		
Kejuruteraan	216	52.3
Bukan Kejuruteraan	197	47.7

Sumber: Data Lapangan

3.2 Persepsi Pelajar Terhadap Kesedaran Etika Peperiksaan

Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap kesedaran terhadap etika peperiksaan pelajar. Analisis secara deskriptif dibuat dan hasil analisis menunjukkan kesemua 6 item kajian bagi konstruk etika berada pada tahap tinggi. Jadual 2 memperincikan dapatan kajian aspek ini. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kesedaran etika peperiksaan adalah tinggi dengan skor min 4.37 (SP=0.65) iaitu berada pada tahap tinggi. Skor min tertinggi adalah bagi item B1 iaitu '*Saya tidak meniru semasa menjawab soalan ujian/peperiksaan*' dengan skor min 4.63 (SP=0.86). Sungguhpun begitu, dapatan kajian bagi item B1 memperlihatkan bahawa terdapat segelintir pelajar yang memberikan maklumbalas sangat tidak setuju iaitu seramai 14 orang (3.4%) dan tidak setuju seramai 8 orang (1.8%). Kumpulan 22 pelajar ini berkemungkinan pernah melakukan peniruan, cuba meniru atau merancang untuk meniru. Walaupun kumpulan ini dalam komposisi hanya 5% tetapi tetap mengganggu kualiti produk yang dihasilkan dari sistem pengajian politeknik KPM.

Skor min terendah tetapi berada pada tahap tinggi adalah bagi item B6 iaitu '*Kepercayaan agama ada kaitan dengan etika peperiksaan*' dengan skor min 4.02 (SP=1.20). 82.7% pelajar setuju agama mempunyai kaitan dengan etika peperiksaan adalah dapatan yang baik kerana kepercayaan beragama sepatutnya mengajar manusia untuk hidup dengan baik dan beretika. Dapatan item B2 memperlihatkan terdapat pelajar yang berkemungkinan berbincang dengan

rakan mengenai soal-an semasa ujian dan peperiksaan dijalankan iaitu seramai 32 orang (7.7%). Semasa ujian atau peperiksaan dijalankan, peringatan yang lebih tegas mungkin perlu dibuat disamping pengawasan bagi memastikan pelajar tidak berinteraksi dengan rakan semasa peperiksaan sedang dijalankan.

Jadual 2: Taburan Kekurangan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Kesedaran Etika Peperiksaan (N=415)

Soalan/Item	STS	TS	TP	S	SS	Min SP	Tahap
B1: Saya tidak meniru semasa menjawab soalan ujian/peperiksaan.	14 3.4%	8 1.9%	0 0%	73 17.6%	320 77.1%	4.63 0.86	Tinggi
B2: Saya tidak berbincang dengan rakan mengenai soal-an semasa ujian/peperiksaan.	14 3.4%	18 4.3%	0 0%	93 22.4%	290 69.9%	4.51 0.96	Tinggi
B5: Saya pernah meniru rakan di dalam dewan/bilik peperiksaan kerana kurang persediaan untuk menduduki peperiksaan	245 67.7%	75 20.7%	0 0%	28 7.7%	14 3.9%	4.36 0.92	Tinggi
B6: Kepercayaan agama ada kaitan dengan etika peperiksaan.	27 6.5%	45 10.8%	0 0%	163 39.3%	180 43.4%	4.02 1.20	Tinggi
B7: Saya pernah meniru untuk lulus dalam peperiksaan kerana markah Penilaian Berterusan (PB) saya rendah.	248 59.8%	120 28.9%	0 0%	36 8.7%	11 2.7%	4.34 0.88	Tinggi
B8: Saya tidak pernah meniru semasa peperiksaan.	31 7.5%	43 10.4%	0 0%	104 25.1%	237 57.1%	4.14 1.28	Tinggi
KESELURUHAN						4.37 0.65	Tinggi

Sumber: Data Lapangan

SP=Sisihan piawai

Dapatan B5 (item yang dikod semula) memaparkan bahawa terdapat 42 pelajar (11.6%) berkemungkinan melakukan peniruan, cubaan meniru dan merancang untuk meniru. Perkara yang sama berlaku pada item B8 dimana berkemungkinan 74 orang (17.9%) pelajar bermungkinan meniru dan ini sekaligus memperkuatkan andaian bagi item B1 tentang aktiiviti peniruan pelajar dalam ujian dan peperiksaan. Melalui item B7 (item yang dikod semula) juga dapat dilihat pelajar meniru semasa penilaian penilaian berterusan (PB) dimana 47 pelajar (11.4%) berkemungkinan melakukannya.

Pengkaji melihat keperluan tindakan tambahan diambil selain tindakan yang telah diambil secara tetap dalam pelaksanaan ujian dan peperiksaan. Contohnya hebahan yang lebih meluas tindakan yang akan dihadapi sekiranya pelajar tidak mematuhi etika peperiksaan. Pelajar juga perlu diberikan kesedaran agar membuat persediaan yang secukupnya sebelum menduduki ujian atau peperiksaan bagi mengelakkan kemungkin tidak beretika semasa ujian atau peperiksaan.

3.3 Persepsi Pelajar Terhadap Kefahaman Peraturan Peperiksaan

Bagi menjawab persoalan kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap kesedaran terhadap peraturan peperiksaan pelajar juga, analisis secara deskriptif memperlihatkan 3 item daripada keseluruhan 4 item berada pada tahap tinggi manakala 1 item lagi berada pada tahap sederhana. Jadual 3 memperincikan dapatan kajian aspek kesedaran pelajar tentang peraturan peperiksaan. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kesedaran peraturan peperiksaan adalah tinggi dengan skor min 4.26 (SP=0.57) iaitu berada pada tahap tinggi. Skor min tertinggi adalah bagi item B3 iaitu 'Saya tidak membawa masuk nota ke dalam dewan/bilik peperiksaan' iaitu 4.66 (SP=0.82) berada pada tahap tinggi. Item B3 juga menunjukkan bahawa berkemungkinan pelajar membawa nota iaitu dalam kalangan pelajar

yang memberikan maklumbalas STS dan TS iaitu seramai 19 orang (4.5%). Sungguhpun bilangan ini kecil dan peratusannya kurang 5% tetapi ianya merupakan kesalahan serius dalam peraturan peperiksaan yang boleh menatijahkan kesan yang serius juga kepada pelajar.

Jadual 3: Taburan Kekekapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Kesedaran Peraturan Peperiksaan (N=415)

Soalan/Item	STS	TS	TP	S	SS	Min SP	Tahap
B3: Saya tidak membawa masuk nota ke dalam dewan/bilik peperiksaan.	13 3.1%	6 1.4%	0 0%	71 17.1%	325 78.3%	4.66 0.82	Tinggi
B4: Saya meminta bantuan pengawas peperiksaan jika menghadapi masalah dalam dewan/bilik peperiksaan.	18 4.3%	18 4.3%	0 0%	188 45.3%	191 46%	4.24 0.98	Tinggi
B10: Saya membuat aduan kepada pengawas peperiksaan jika ternampak pelajar lain meniru.	27 6.5%	86 20.7%	0 0%	233 56.1%	69 16.6%	3.56 1.17	Sederhana
B11: Saya faham berkenaan hukuman yang akan dikenakan sekiranya saya disabitkan dengan kesalahan meniru, cubaan meniru dan memberi tiru.	2 0.5%	3 0.7%	0 0%	158 38.1%	252 60.7%	4.58 0.58	Tinggi
KESELURUHAN						4.26 0.57	Tinggi

Sumber: Data Lapangan SP=Sisihan piawai

Skor min terendah iaitu berada pada tahap sederhana adalah bagi item B10 iaitu 'Saya membuat aduan kepada pengawas peperiksaan jika ternampak pelajar lain meniru' dengan skor min 3.56 (SP=1.17). 72.7% iaitu 302 pelajar mempunyai kesedaran untuk membuat aduan manakala bakinya 113 orang pelajar berkemungkinan tidak. Mungkin terdapat faktor tertentu yang menyebabkan tidak semua pelajar bersedia membuat aduan kepada pengawas yang boleh dibuat kajian susulan.

Kajian ini berjaya mengetengahkan melalui item B11 berkaitan pelajar mempunyai kefahaman yang tinggi berkenaan hukuman yang bakal dikenakan sekiranya disabitkan dengan kesalahan meniru, cubaan meniru dan memberi tiru dengan skor min 4.58 (SP=0.58). hanya 5 pelajar (1.2%) yang tidak memahami berkenaan hukuman ini yang berkemungkinan pelajar semester 1 yang tidak menghadiri taklimat peperiksaan keranan dalam sistem politeknik taklimat peperiksaan dilakukan secara berkala dan setiap kali memulakan ujian atau peperiksaan.

4. Perbincangan

4.1 Perbezaan Berdasarkan Jantina

Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu mengenal pasti perbezaan tahap kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan pelajar berdasarkan jantina. Analisis inferensi secara *Independent Sample T Test* telah dijalankan. Didapati nilai F dalam ujian Levene Test adalah tidak signifikan iaitu $P=0.425 > 0.05$ bagi konstruk etika dan $P=0.125 > 0.05$ bagi konstruk peraturan peperiksaan. Data ini menunjukkan bahawa responden kajian adalah homogenus (seragam). Keputusan ujian T bagi kategori homogenus menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan konstruk kesedaran etika berdasarkan jantina iaitu nilai $t=-.718$ (df 413), $P=0.474 > 0.05$. Jadual 4 memperincikan dapatan kajian perbandingan berdasarkan jantina.

Jadual 4: Dapatan Analisis Perbezaan Tahap KESEDARAN ETIKA DAN PERATURAN PEPERIKSAAN Berdasarkan Jantina.

		Levene's Test for Equality of Variances		N	Mean	Std. Deviation	T-test for Equality of Means		
		F	Sig.				t	df	Sig. (2-tailed)
Etika	<i>Equal variances assumed</i>	.638	.425	L-178	4.34	.634	-.718	413	.473
				P-237	4.39	.653			
Peraturan	<i>Equal variances assumed</i>	2.377	.124	L-178	4.19	.602	-2.119	413	.035
				P-237	4.31	.547			

Sumber: Data Lapangan

Skor min bagi jantina perempuan adalah 4.39 (SP=0.63) sedikit sahaja lebih tinggi dari pada skor min lelaki iaitu 4.34 (SP=0.63). Analisis juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi konstruk kesedaran peraturan peperiksaan iaitu pada nilai $t=-2.119$ (df 413), $P=0.035 < 0.05$. Skor min jantina perempuan iaitu 4.31 (SP=0.54) didapati lebih tinggi daripada skor min lelaki iaitu 4.19 (SP=0.60). Dapatan ini memperlihatkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai kesedaran yang sama aspek etika peperiksaan. Manakala aspek peraturan peperiksaan ada perbezaan kesedaran dimana pelajar perempuan mempunyai kesedaran yang lebih baik secara signifikan berbanding pelajar lelaki.

4.2 Perbezaan Berdasarkan Program Pengajian

Bagi menjawab persoalan kajian kedua iaiti mengenal pasti perbezaan tahap kesedaran terhadap etika dan peraturan peperiksaan pelajar berdasarkan bidang pengajian. Analisis secara Independent Sample T Test juga dijalankan. Didapati nilai F dalam ujian Levene Test adalah tidak signifikan iaitu $P=0.259 > 0.05$ bagi konstruk etika dan $P=0.912 > 0.05$ bagi konstruk peraturan peperiksaan. Data ini menunjukkan bahawa responden kajian adalah homogenus (seragam). Keputusan ujian T bagi kategori homogenus menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan konstruk kesedaran etika berdasarkan bidang pengajian iaitu nilai $t=-1.737$ (df 413), $P=0.083 > 0.05$.

Jadual 5: Dapatan Analisis Perbezaan Tahap KESEDARAN ETIKA DAN PERATURAN PEPERIKSAAN Berdasarkan Program Pengajian.

		Levene's Test for Equality of Variances		N	Mean	Std. Deviation	T-test for Equality of Means		
		F	Sig.				t	df	Sig. (2-tailed)
Etika	<i>Equal variances assumed</i>	1.280	.259	E-217	4.32	.633	-1.737	413	.083
				N-198	4.43	.654			
Peraturan	<i>Equal variances assumed</i>	0.012	.912	E-217	4.23	.560	-1.086	413	.278
				N-198	4.29	.588			

Sumber: Data Lapangan

Skor min bagi bidang pengajian bukan kejuruteraan adalah 4.43 (SP=0.65) lebih tinggi dari pada skor min bidang pengajian kejuruteraan iaitu 4.32 (SP=0.63). Analisis juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi konstruk kesedaran peraturan peperiksaan iaitu pada nilai $t=-1.086$ (df 413), $P=0.278 > 0.05$. Skor min bidang pengajian bukan kejuruteraan iaitu 4.29 (SP=0.59) didapati lebih tinggi daripada skor min bidang pengajian kejuruteraan iaitu 4.23 (SP=0.56). Dapatan ini memperlihatkan pelajar bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan mempunyai kesedaran yang sama aspek etika dan peraturan peperiksaan.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ni memaparkan data bahawa pelajar 36 Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi bagi kedua-dua aspek yang dikaji iaitu aspek etika dan peraturan peperiksaan pada tahap tinggi. Kajian ini juga mengetengahkan aspek yang boleh ditambahbaik jika ditelusuri dapatan satu persatu daripada item kajian. Bagi melahirkan graduan yang menjadi aset dan penentu hari muka negara, pelajar sepatutnya mempunyai kesedaran untuk memilih tindakan yang selari dengan etika yang ditetapkan dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Peranan semua pihak perlu ada agar semua pelajar mematuhi etika dan peraturan dalam pelaksanaan ujian dan peperiksaan merangkumi pelajar, pensyarah, penasihat akademik, kaunselor dan pentadbir.

Pelajar mungkin boleh dibantu untuk membuat persediaan sewajarnya sebelum menduduki ujian atau peperiksaan, mempunyai strategi atau teknik belajar yang tepat sesuai dengan keupayaan diri, sistem sokongan yang baik, interaksi dua hala yang lebih berkesan, bahan bantu pembelajaran, kemudahan rujukan di Pusat Sumber, pengurusan emosi, bantuan rakan dan sebagainya. Bentuk pendedahan tentang etika dan peraturan peperiksaan juga perlu dipelbagaikan agar sampai dan bermakna kepada pelajar. Bentuk pengawasan ada aspek yang perlu diperhalusi agar pelaksanaan ujian atau peperiksaan mencapai matlamatnya dalam menilai keupayaan pelajar sekaligus menghasilkan graduan yang berkualiti yang menjadi sumber tenaga manusia bagi pembangunan negara.

Selain itu, instrumen kajian juga perlu ditambahbaik sebelum kajian lanjut dilakukan.. terdapat item yang hampir sama dan berulang dan dalam masa yang sama memerlukan penambahan item agar instrumen mempunyai kebolehpercayaan yang lebih baik terutamanya konstruk peraturan peperiksaan. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan lebih memberi makna kepada dapatan kajian.

Penghargaan: Pegawai peperiksaan 36 Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia yang membantu memudahcara pelaksanaan pengumpulan data kajian.

Rujukan

- Ameen, e.C., guffey, d.M. dan McMillan J.J. (1996). "accounting students' perceptions of Questionable academic practices and Factors affecting their propensity to Cheat". *Accounting Education* 5 (3)
- Abu Bakar Nordin dan Bhasah Abu Bakar. 2008. *Penaksiran dalam Pendidikan & Sains Sosial*. UPSI: Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Cohen, J. W. 1988. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences Ed. Second*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Farnese, M. L., Tramontano, C., Fida, R., &Paciello, M. 2011. Cheating Behaviors in Academic Context: Does Academic Moral Disengagement Matter? In *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. Vol. 29, pp. 356–365
- Galloway, M.K. 2012. *Cheating in Advantaged High Schools: Prevalence, Justifications and Possibilities for Change, Ethics and Behaviour*, 22(5), 378-399.
- Gbadamosi, G. 2004. *Academic Ethics: What has Morality, Culture and Administration Got to do with its Measurement? Management Decision*. Vol 42 pg. 1145-1161.
- Henning, M., Malpas, P., Ram, S., Doherty, I., Kelly, F., &Hawken, S. J. 2011. *Can Engagement in Academic Dishonesty be Described as Planned Behaviour or Lack of Self-control? Pharmacy Education*, 11(1), 158–165.
- Jefferies, Pat dan Bernd Carsten Stahl. 2005. *Some Ethical Considerations Regarding the Relationship of ELearning and Pedagogy*. United Kingdom: De Montfort University.
- Jones, D. R. L. 2011. *Academic Dishonesty: Are more Students Cheating? Business Communications Quarterly*, 74, 141-150.
- Maisarah Mohamed Saat. 2003. Kesedaran Etika di Kalangan Pelajar UTM. *Research Prosiding SEMACC 2003*.
- Maisarah Mohamed Saat, Hapriza Ashari, Ungku Norulkamar Ungku Ahmad. 2009 Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Etika Peperiksaan. Eprint UTM, 21-32
- Miller, A. D., Murdock, T. B., Anderman, E. M., dan Poindexter, A. L. 2007. Who are all these Cheater? Characteristics of Academically Dishonest Students. *Psychology of Academic Cheating*, 9-32
- McNichols, C. W. dan Zimmerer, T. W. 1985. Situational Ethics: an Empirical Study of Differentiators of Student Attitudes. *Journal of Business Ethics*, 4, pp. 175-180.
- Mohd Janib Johari. 1994. *Moral Etika Profesional*. Universiti Teknologi Malaysia: Unit Penerbitan Akademik
- Noraini Ahmad. 2003. *Persediaan Psikologi Menghadapi Peperiksaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nunnally, J. C. & Bernstein, I. R. 1994. *Psychometric Theory*. Ed. Ke-3, New York: McGraw-Hill. Inc.
- Nursiha Saidin & Nurliyana Isa. 2013. Investigating Academic Dishonesty among Language Teacher Trainees: The why and how of Cheating. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 522-529
- Ramlan Mustapha, Zaharah Hussin Dan Saedah Siraj. 2016. Ketidakjujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Muslim di Malaysia: Analisis Perbandingan Tahun 2014-2015. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Januari 2016, Bil. 4, Isu 1 [41] Petaling Jaya: Penerbitan Universiti Malaya
- Teixeira, A. A. C., & de Fatima Oliveira Rocha, M. 2010. *Academic Misconduct in Portugal: Results from a Large Scale Survey to University Economics/Business Students*. *Journal of Academic Ethics*, 8(1), 21–41.
- Williams, K. M., Nathanson, C., & Paulhus, D. 2010. Identifying and Profiling Scholastic Cheaters: Their Personality, Cognitive Ability and Motivation. *Journal of Experimental Psychology:Applied*, 16, 293-307